

Mangsa banjir direkodkan meningkat

Kuala Lumpur: Jumlah mangsa banjir di pusat pemindahan di Negeri Sembilan semalam meningkat berbanding kelmarin, dengan Johor kembali dilanda banjir.

Menurut laman portal banjir Majlis Keselamatan Negara (MKN), Negeri Sembilan merekodkan peningkatan jumlah mangsa 112 orang membabitkan 27 keluarga, diikuti dengan Johor 21 orang membabitkan enam keluarga.

Portal MKN turut melaporkan banjir di Negeri Sembilan melanda kawasan FELDA Jelai 4, Gemas, dengan kesemua mangsa ditempatkan di pusat pemindahan Sekolah Agama Rakyat FELDA Jelai 4.

Di sekitar Segamat pula, semua mangsa ditempatkan di pusat pemindahan di Balai raya Spang Loi dan Balai raya Kampung Awat.

Bacaan lebih paras amaran

Sementara itu, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) meminta penduduk di beberapa

kawasan rendah di Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Pahang, Sarawak dan Kedah berwaspada berikutan bacaan paras air di beberapa sungai utama melebihi paras amaran.

Ini berikutan paras air di Sungai Bernam di jambatan SKC, Hulu Selangor dan Sungai Selangor di Rantau

Panjang, Kuala Selangor masing-masing mencatat 18.57 meter dan 7.17meter, Sungai Serting di Serting Ulu, Jempol (73.88m), Sungai Muar di Pekan Rompin, Gemas (34.47m), Sungai Rembau di Titian Bintangor, Rembau (6.45m).

Paras air di Sungai Muar di Buloh Kasap, Segamat pula mencatat bacaan 9.0 manakala empangan Repas, Bentong dan Sungai Triang di Triang, Bera pula masing-masing mencatat bacaan 113.67m dan 33.94m.

BERNAMA

FAKTA NOMBOR

112

+ orang

jumlah mangsa banjir